

01 AUG 2004

MBM-Jawatan

MBM CADANG TAMBAH DUA LAGI JAWATAN NAIB PRESIDEN

SHAH ALAM, 1 Ogos (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) bakal mewujudkan dua lagi jawatan naib presiden -- satu dikhaskan untuk beliawanis manakala satu lagi digilirkan antara perwakilan dari Sabah dan Sarawak.

Cadangan itu dikemukakan oleh Presiden MBM Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dalam ucapan penangguhan Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan ke-54 MBM di sini hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata jawatan naib presiden untuk beliawanis itu diwujudkan sebagai mengiktiraf sumbangan besar wanita kepada negara dan masyarakat.

Beliau berkata wanita kurang memegang jawatan utama dalam pertubuhan di negara ini walaupun keanggotaan mereka ramai. Kira-kira 50 peratus daripada keseluruhan 3 juta anggota MBM adalah wanita.

Sementara peruntukan jawatan naib presiden yang akan digilirkan antara belia Sabah dan Sarawak adalah untuk memupuk integrasi antara belia di Semenanjung dan Malaysia Timur, katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Dr Mohamad Khir berkata penambahan jawatan naib presiden MBM itu akan memerlukan pindaan perlembagaan MBM.

"Kita akan bawa cadangan ini ke Exco, kalau diterima nanti kita akan bawa ke mesyuarat perhimpunan tahun hadapan," katanya.

Beliau juga berkata dua jawatan naib presiden itu juga nanti terbuka untuk pertandingan.

Mengenai aktiviti MBM, Dr Mohamad Khir berkata pergerakan itu bercadang menganjurkan kolokium dengan mengundang bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penceramah untuk berkongsi pengalaman, visi dan harapan beliau terhadap belia.

-- BERNAMA

LES RHM